



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN AKHBAR  
WILAYAHKU**

**DEWAN SERBAGUNA, ARAS 1, BLOK 1,  
MENARA SERI WILAYAH,  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN,  
WP PUTRAJAYA**

**4 JANUARI 2019 (JUMAAT)**

**JAM 3.00 PETANG**

**BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM**

**(Senarai Salutasi akan diselaraskan kemudian oleh Penganjur)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera.

1. Yayasan Wilayah Persekutuan dengan sokongan Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengambil inisiatif untuk menerbitkan sebuah akhbar mingguan yang diberi nama WilayahKu.
  
2. Akhbar mingguan percuma yang mula diterbitkan hari ini adalah sebagai salah satu usaha untuk menyebarkan inisiatif mensejahterakan rakyat di samping menjadi media penghubung antara pihak kerajaan dan masyarakat di Wilayah Persekutuan.

3. Saya difahamkan isi kandungan akhbar ini bakal merangkumi laporan tentang agenda sosial, ekonomi, pendidikan dan teknologi khusus untuk warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

4. Akhbar ini diterbitkan ketika era akhbar edisi cetak kurang memberansangkan. Akhbar versi cetak *Malay Mail* baru sahaja ditutup, kumpulan Utusan Melayu mengurangkan jumlah kakitangan dan menutup sebahagian kilang cetaknya.

5. Bahkan, saya dimaklumkan bahawa kumpulan akhbar Karangkraf juga sedang mempertimbangkan untuk mengurangkan bahan penerbitan versi cetaknya. Inilah cabaran utama ketika idea untuk menerbitkan akhbar WilayahKu ini mula dibincangkan; bila mana era akhbar cetak dikatakan sedang menuju ke zaman malapnya.

6. Semua ini berlaku penangan media sosial dan internet, di mana semua orang boleh menjadi wartawan, editor dan penerbit dalam masa yang sama.

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Tuan-tuan, Puan-puan serta sidang hadirin yang saya muliakan sekalian.

7. Saya dimaklumkan bahawa penggerak di belakang akhbar ini mahu menjadikan era akhbar cetak yang melalui zaman kemalapan sebagai satu cabaran kepada minda mereka.

8. Mereka mahu membuktikan bahawa akhbar cetak tetap menjadi keperluan dan mempunyai peminat yang tersendiri. Untuk itu, saya percaya akhbar ini memerlukan pendekatan laporan dan kandungan yang lebih segar dan eksklusif yang tidak dimiliki oleh media lain.

9. Walaupun akhbar ini dilihat seolah-olah sebagai suara sebuah pertubuhan atau badan kerajaan, hakikatnya akhbar ini adalah berbeza daripada Buletin atau *Newsletter* kerajaan.

10. Akhbar ini tidak boleh dilihat sebagai bahan propaganda kerajaan semata-mata tetapi lebih menjurus sebagai media penghubung antara kerajaan dan masyarakat di Wilayah Persekutuan.

11. Tulisan di dalam akhbar perlu sentiasa segar dan berbeza berbanding dengan apa yang dibaca di media-media sosial atau portal-portal berita yang boleh diperolehi di hujung jari.

12. Akhbar ini akan diberikan secara percuma kepada pembaca. Bagi membiayainya, selain geran dan sumbangan daripada badan-badan tertentu, akhbar ini mengharapkan sokongan dan kerjasama badan-badan korporat dan perniagaan

untuk mengiklankan produk serta program-program mereka.

13. Saya yakin, kerjasama antara akhbar dan pengiklan akan memberikan keuntungan kepada kedua-dua belah pihak.

14. Sehubungan dengan itu, saya memohon syarikat-syarikat dan badan korporat di Wilayah Persekutuan untuk memberikan kerjasama dalam penerbitan akhbar ini.

15. Pada peringkat permulaan, akhbar ini akan dicetak sebanyak 20,000 naskah. Jumlah cetakannya akan bertambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

16. Ia akan diedarkan secara percuma di tempat-tempat awam termasuk di masjid dan surau

serta rumah-rumah ibadat yang lain serta pejabat-pejabat kerajaan di Wilayah Persekutuan.

17. Selepas ini, edarannya akan diperluas ke pusat membeli-belah, pusat pendidikan seperti sekolah dan pusat pengajian tinggi serta tempat yang menjadi tumpuan awam yang lain.

18. Hari ini, kita sama-sama meraikan terbitan pertama akhbar ini. Maka, marilah kita sama-sama berdoa agar akhbar ini maju jaya dan terus berkembang pada masa akan datang.

19. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua pihak yang menjadi tulang belakang kepada akhbar ini khasnya Yayasan Wilayah Persekutuan, Bahagian Komunikasi Korporat Kementerian Wilayah Persekutuan, DBKL, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan dan para penyumbang dan tidak lupa setinggi penghargaan

kepada para petugas awal yang berada di belakang penerbitan akhbar ini.

Saya dengan lafaz Bismillahi Rahmani Rahim melancarkan akhbar WILAYAHKU.

Sekian, terima kasih.